	memastikan kefahaman yang jelas terhadap skop, fungsi dan objektif sistem aplikasi yang akan dibangunkan. 2. Design Fasa reka bentuk bertujuan untuk menghasilkan reka bentuk seni bina sistem, reka bentuk pangkalan data, reka bentuk antara muka pengguna serta aliran proses sistem berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti semasa fasa analisis.			
	3. Coding Fasa pengekodan melibatkan aktiviti pembangunan sistem melalui penulisan kod atur cara mengikut spesifikasi dan reka bentuk yang telah diluluskan bagi menghasilkan modul dan fungsi sistem aplikasi yang diperlukan. 4. Integration Fasa integrasi melibatkan penggabungan semua modul dan komponen sistem aplikasi bagi memastikan keserasian, kefungsi dan interaksi yang lancar antara modul serta sistem sedia ada.			
	5. Testing Fasa pengujian bertujuan untuk menguji fungsi, prestasi, keselamatan dan kebolegunaan sistem aplikasi bagi mengenal pasti dan membetulkan sebarang ralat atau ketidakpatuhan sebelum sistem digunakan secara rasmi. 6. Implementation Fasa pelaksanaan melibatkan pemasangan, konfigurasi dan penggunaan sistem aplikasi dalam persekitaran sebenar, termasuk latihan pengguna dan sokongan awal bagi memastikan sistem beroperasi dengan lancar dan memenuhi keperluan pengguna. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B29.			
	4.1.7. Petender dikehendaki membuat kajian dan mencadangkan reka bentuk arkitektur fizikal sistem NSRC dan kemudahan platform yang dikongfigurasikan bagi tujuan penilaian. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B30.			
4.2 PEMBANGUNAN APLIKASI MODUL INTEGRASI	Activity unit	1		135
	4.2.1. Penerangan Teknikal : Untuk menyediakan tulang belakang ketersambungan dan perkongsian data yang memastikan sistem AI NSRC tidak beroperasi secara silo. Ia mewujudkan komunikasi masa nyata (real-time) antara sistem AI NSRC dengan sistem dalaman PDRM dan sistem-sistem agensi luar. Fungsi-fungsi modul ini tidak terhad kepada berikut: 4.2.2. Modul ini berfungsi sebagai gerbang integrasi bagi membolehkan pertukaran data secara selamat dan automatik antara sistem pusat panggilan, sistem aplikasi dalaman dan sistem luaran berkaitan, termasuk integrasi data panggilan, transkripsi, dan laporan bagi memastikan aliran maklumat yang lancar dan bersepadu. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B31.			
	4.2.3. Maklumat yang dikehendaki adalah nama, nombor kad pengenalan, alamat rumah, umur, bangsa, jantina, nombor telefon dan lain-lain perkara yang terkandung dalam laporan polis. Petender			

	hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B32.
	4.2.4. Petender dikehendaki membangunkan dua ejen bagi setiap integrasi untuk membolehkan dua aplikasi system boleh berhubung dalam melaksanakan pemprosesan data integrasi. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B33.
	4.2.5. Integrasi AMEYO TM : Mengintegrasikan dengan sistem utama NSRC iaitu AMEYO TM yang digunakan platform perisian yang membantu NSRC menguruskan penerimaan dan merekodkan maklumat panggilan dari mangsa penipuan atas talian. Integrasi ini adalah medan utama untuk mendapatkan data mangsa yang diterjemahkan dari audio ke teks dan kemudian maklumat yang diterima akan diproses dan dihantar ke iPRS. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B34.
	4.2.6. Integrasi iPRS: Mengintegrasikan dengan sistem iPRS secara serta-merta (real-time) semasa menerima report polis. Menambahbaik antara muka dan medan-medan sedia ada dan baharu modul report polis dan siasatan sistem iPRS untuk merakam menginteraksi maklumat scam dengan sistem AI.NSRC secara serta-merta (real-time). Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B35.
	4.2.7. Integrasi Sistem CCIS PDRM: Mengintegrasikan dengan sistem CCIS secara serta-merta (real-time) semasa menerima report polis. Petender dikehendaki mencadangkan Automation script-script dan workflow integrasi dengan CCIS yang sedia ada. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B36.
	4.2.8. Integrasi Sistem NFP BNM: Mengintegrasikan dengan sistem NFP secara serta-merta (real-time) semasa menerima report polis. Earmark uploading proses sedia ada dikehendaki automated dengan JSON/XML API Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B37.
	4.2.9. Penyegerakan Data: Memastikan data kritikal (status kes, penemuan utama, pautan suspek) dikongsi secara konsisten dan tepat merentasi repositori pusat NSRC dan PDRM. Transformasi Data Piawai: Memetakan dan mengubah format data daripada sistem AI NSRC untuk memenuhi keperluan struktur sistem penerima PDRM, memastikan integrasi yang lancar. Kawalan Integrasi: Merekod semua transaksi integrasi, memastikan pematuhan dengan dasar keselamatan dan tadbir urus data PDRM. Perkhidmatan Integrasi: Mengintegrasikan dengan sistem iPRS, sistem NFP BNM, sistem HRMIS PDRM, sistem CCIS PDRM, dan lain-lain secara dwiarah (bidirectional integration). Petender hendaklah

	mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B38.				
	4.2.10. 1. Analysis Fasa analisis melibatkan pengumpulan, pengesahan dan dokumenatsi keperluan pengguna serta keperluan sistem bagi memastikan kefahaman yang jelas terhadap skop, fungsi dan objektif sistem aplikasi yang akan dibangunkan. 2. Design Fasa reka bentuk bertujuan untuk menghasilkan reka bentuk seni bina sistem, reka bentuk pangkalan data, reka bentuk antara muka pengguna serta aliran proses sistem berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti semasa fasa analisis.				
	3. Coding Fasa pengekodan melibatkan aktiviti pembangunan sistem melalui penulisan kod atur cara mengikut spesifikasi dan reka bentuk yang telah diluluskan bagi menghasilkan modul dan fungsi sistem aplikasi yang diperlukan. 4. Integration Fasa integrasi melibatkan penggabungan semua modul dan komponen sistem aplikasi bagi memastikan keserasian, kefungsi dan interaksi yang lancar antara modul serta sistem sedia ada.				
	5. Testing Fasa pengujian bertujuan untuk menguji fungsi, prestasi, keselamatan dan kebolehgunaan sistem aplikasi bagi mengenal pasti dan membetulkan sebarang ralat atau ketidakpatuhan sebelum sistem digunakan secara rasmi. 6. Implementation Fasa pelaksanaan melibatkan pemasangan, konfigurasi dan penggunaan sistem aplikasi dalam persekitaran sebenar, termasuk latihan pengguna dan sokongan awal bagi memastikan sistem beroperasi dengan lancar dan memenuhi keperluan pengguna. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B39.				
	4.2.11. Petender dikehendaki membuat kajian dan mencadangkan reka bentuk arkitektur fizikal sistem NSRC dan kemudahan platform yang dikongfigurasikan bagi tujuan penilaian.				
4.3. PEMBANGUNAN APLIKASI MODUL PENGURUSAN PENTADBIRAN SISTEM	Activity unit	1			100
	4.3.1. Penerangan Teknikal : Memberi tumpuan kepada pengurusan keseluruhan sistem AI NSRC. Ia menyediakan ciri-ciri yang diperlukan untuk pentadbir NSRC/JSJK bagi memantau prestasi AI dan mengurus pengguna, kawalan akses, parameter sistem, log audit dsb. Fungsi-fungsi modul ini tidak terhad kepada berikut:				
	4.3.2. Modul ini berfungsi untuk menyokong pengurusan pentadbiran sistem termasuk pengurusan pengguna dan tahap akses, pemantauan prestasi sistem, konfigurasi parameter AI, pengurusan log dan rekod audit, serta pelaporan pentadbiran bagi memastikan keselamatan dan kelancaran operasi system serta lain-lain keperluan tanpa melibatkan kos tambahan. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B40.				

	4.3.3. 1.Pengurusan Pengguna dan Akses: Mengurus akaun pengguna, peranan dan kebenaran (contoh: Operator Pusat Panggilan, Pegawai NSRC, Pentadbir) berdasarkan hierarki PDRM. PENGGUNA (TEXT) (30 MARKAH) 2.Pemantau an Prestasi Sistem: Menjejaki kesihatan dan status semua komponen (masa operasi STT, kelajuan pemprosesan NLP, beban pangkalan data) dan memaklumkan pentadbir tentang isu-isu. 3.Pengurus an Model AI: Memantau metrik prestasi (contoh: ketepatan Pengekstrakan Entiti) model AI dan menjadualkan latihan semula/kemaskini model.			
	4.Pengurusan Aliran Kerja Agentik AI: Menentukan tindakan dan respons berbilang langkah automatik (ejen) yang dicetuskan oleh keadaan tertentu atau penilaian risiko yang dikenal pasti oleh sistem AI (contoh: tanda penipuan berisiko tinggi). 5.Konfigur asi Sistem: Membolehkan pentadbir mengkonfigurasi parameter seluruh sistem, seperti dasar pengekalan data, tetapan pemberitahuan dan mesej sistem. 6.Audit dan Log: Mengekalkan log komprehensif aktiviti sistem, tindakan pengguna dan perubahan data untuk tujuan keselamatan serta pematuhan. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B41.			
	4.3.4. 1. Analysis Fasa analisis melibatkan pengumpulan, pengesahan dan dokumenatsi keperluan pengguna serta keperluan sistem bagi memastikan kefahaman yang jelas terhadap skop, fungsi dan objektif sistem aplikasi yang akan dibangunkan. 2. Design Fasa reka bentuk bertujuan untuk menghasilkan reka bentuk seni bina sistem, reka bentuk pangkalan data, reka bentuk antara muka pengguna serta aliran proses sistem berdasarkan keperluan yang telah dikenal pasti semasa fasa analisis. 3. Integration Fasa integrasi melibatkan penggabungan semua modul dan komponen sistem aplikasi bagi memastikan keserasian, kefungsian dan interaksi yang lancar antara modul serta sistem sedia ada.			
	4. Testing Fasa pengujian bertujuan untuk menguji fungsi, prestasi, keselamatan dan kebolehgunaan sistem aplikasi bagi mengenal pasti dan membetulkan sebarang ralat atau ketidakpatuhan sebelum sistem digunakan secara rasmi. 5. Implementation Fasa pelaksanaan melibatkan pemasangan, konfigurasi dan penggunaan sistem aplikasi dalam persekitaran sebenar, termasuk latihan pengguna dan sokongan awal bagi memastikan sistem beroperasi dengan lancar dan memenuhi keperluan pengguna. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B42.			
	4.3.5. Petender dikehendaki membuat kajian dan mencadangkan reka bentuk arkitektur fizikal sistem NSRC dan kemudahan platform yang dikongfigurasikan bagi tujuan penilaian.			
5.1 PENGURUSAN	LOT	1		1

PROJEK	5.1.1. Petender hendaklah mengikut kaedah Kejuruteraan Sistem Aplikasi Sektor Awam (KRISA) MAMPU semasa menjalankan kajian keperluan pengguna yang menyeluruh. Petender hendaklah menyediakan dokumentasi yang menyeluruh untuk Business Requirement Specification (BRS), User Requirement Specification (URS) dan System Requirement Specification (SRS) mengikut format KRISA.
	Dokumen-dokumen ini perlu mengandungi perkara-perkara seperti berikut: i. Pemodelan Use Case, Fungsi Sistem, Proses Sistem, dan Keperluan Data. ii. Keperluan Integrasi Sistem dan Pemodelan Data. iii. Keperluan Bukan Fungsian dan Rangkaian Serta Arkitektur Sistem. iv. Keperluan Ujian Penerimaan Pengguna, Ujian Integrasi Sistem, dan Ujian Penerimaan Akhir. v. Keperluan Bengkel, Latihan Taklimat Pelaksanaan Sistem, dan Pelaksanaan Sistem NSRC. Petender hendaklah mengemukakan cadangan metodologi untuk melaksanakan kajian keperluan pengguna sebagai Lampiran B43 untuk penilaian PDRM.
	5.1.2. Petender dikehendaki untuk menyediakan perkhidmatan pelaksanaan secara turnkey kepada PDRM untuk memastikan produk dan perkhidmatan yang dihantar mengikut jadual yang dipersetujui. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B44.
	5.1.3. Untuk mencapai hasil-hasil projek, petender dikehendaki mengadakan pengalaman untuk pengendalian dan pengoperasian sistem data raya dan analitik dan kecedasan buatan yang berskala besar. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B45.
	5.1.4. Petender mesti menghantar dan memasang sistem NSRC berdasarkan arahan Bahagian Telekomunikasi Sistem Maklumat PDRM. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B46.
	5.1.5. Petender mesti melakukan 'asset labeling' dan petanda untuk menjejak semua perkakasan yang telah dihantar dibawah projek ini seperti yang diperlukan oleh PDRM. PDRM akan membekalkan nombor aset dan nombor borang pengurusan kepada petender. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B47.
	5.1.6. Petender mesti menyediakan borang pengurusan aset berdasarkan keperluan PDRM. Petender juga mesti membekalkan informasi perkakasan dan perisian yang terperinci termasuk nombor bahagian produk, nombor siri, dan sebagainya dan mengemaskininya di Sistem Pengurusan Aset Inventori PDRM. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B48.

	5.1.7 Petender perlu menjalankan bengkel projek yang berkualiti dan berkesan untuk pasukan projek PDRM percambahan minda, mengkaji keperluan pengguna dan menyediakan peraturan standard kerja (Standard Operating Procedure). Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B49.			
	5.1.8. Petender wajib menerangkan methodology pengurusan projek dan pengurusan perubahan secara terperinci sebagai Lampiran B50 untuk penilaian PDRM.			
	5.1.9. Petender wajib menyediakan pelan Ujian Penerimaan Akhir dan melaksanakan kerja-kerja Ujian Penerimaan Akhir yang diperlukan dan juga laporan seraha sistem. Petender wajib mengemukakan cadangan pendekatan dan skop kerja ujian penerimaan akhir yang akan dilaksanakan sebagai Lampiran B51 untuk penilaian PDRM.			
	5.1.10 Petender wajib menerangkan methodology pengurusan projek dan pengurusan perubahan secara terperinci sebagai Lampiran B52 untuk penilaian PDRM.			
5.2 PERKHIDMATAN : BENGKEL URS (USER REQUIREMENT SYSTEM)	Number of Persons	3	1	10
	5.2.1 Bengkel URS (User Requirement System) Petender wajib melaksanakan satu (1) sesi bengkel kajian keperluan pengguna di luar premis PDRM. Bengkel ini perlu disediakan selama 5 hari untuk 25 pegawai NSRC dan JSJK PDRM. Bengkel ini perlu merangkumi pengajian dan pengendalian process re-engineering kerja NSRC, integrasi antara sistem dalaman dan luaran PDRM, migrasi data, latihan, road show, ujian penerimaan pengguna, pengurusan projek dan sebagainya. Manakala lokasi akan ditentukan oleh PDRM. Perlaksanaan bengkel SOP termasuk kos makan minum ditanggung oleh petender tanpa melibatkan kos tambahan. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B53.			
5.3 Bengkel SOP (Standard Operating Procedure)	Number of Persons	3	1	25
	5.3.1 Petender wajib mengadakan satu (1) sesi bengkel untuk mengatasi perubahan proses kerja PDRM dan menyediakan dasar dan prosidur standard kerja (Standard Operating Procedure) yang berkaitan dengan penggunaan sistem NSRC. Bengkel ini perlu disediakan selama lima (5) hari kepada 25 pegawai NSRC dan JSJK PDRM manakala lokasi akan ditentukan oleh PDRM. Perlaksanaan bengkel SOP termasuk kos makan minum ditanggung oleh petender tanpa melibatkan kos tambahan. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B54.			

5.4 Latihan Pengguna	Number of Persons	3		3	20
	5.4.1 Petender wajib melaksanakan tiga (3) siri latihan dengan menggunakan kemudahan makmal ICT PDRM kepada sekurang-kurangnya 50 orang pengguna NSRC JSJK di seluruh Malaysia. Setiap siri latihan adalah selama tiga (3) hari bagi peserta yang berbeza. Petender hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B55.				
5.5. Latihan Teknikal	Number of Persons	3		1	20
	5.5.1 Petender wajib melaksanakan 1 siri latihan pentadbir platform sistem kepada 10 pegawai teknikal NSRC dan TSM PDRM. Latihan ini perlu disediakan sekurang-kurangnya 5 hari di premis petender berkaitan dengan setup, konfigurasi, pentadbiran, penyelenggaraan dan penggunaan perkakasan, perisian, aplikasi NSRC, kemudahan integrasi, saluran paip pemprosesan data, pembelajaran mesin dan model kecedasan buatan NSRC yang dibekalkan. Peten der hendaklah mencadangkan spesifikasi / Rekabentuk / Solution / Proposal yang ditawarkan di Lampiran B56.				
	5.5.2 Terma spesifikasi pelaksanaan perkhidmatan bengkel dan latihan adalah seperti berikut: Petender perlu melaksanakan perkhidmatan bengkel dan latihan yang tertakluk kepada kajian yang dibuat dalam bengkel kajian keperluan pengguna.				
	Petender perlu menggunakan perkakasan komputer dan projektor sendiri selama latihan/ kursus atau bengkel tersebut dilaksanakan.				
	Petender wajib menyediakan kertas, pensil atau alat tulis untuk kegunaan peserta.				
	Petender wajib menyediakan air mineral untuk peserta sepanjang tempoh latihan/ kursus atau bengkel tersebut dilaksanakan.				
	Petender wajib membekalkan manual latihan dalam format soft copy dalam perkakasan pendrive bagi setiap peserta bengkel dan latihan.				
	Petender dikehendaki memberikan sijil latihan kepada semua peserta yang telah berjaya menghadiri latihan. Petender perlu mendapatkan kelulusan PDRM atas reka bentuk sijil dan maklumat untuk pencetakan.				
	Petender hendaklah menanggung kos makan dan minum bengkel dan latihan yang merangkumi sarapan pagi, makan tengah hari, makan malam dan 2 waktu rehat bagi setiap hari latihan. Kos penginapan dan perjalanan dikecualikan.				
	Petender wajib menyediakan laporan bagi setiap siri bengkel dan latihan mengikut keperluan JSJK dan mendapatkan pengesahan daripada ahli pengurusan projek PDRM atas laporan tersebut untuk tuntutan				

	pembayaran projek.			
	Petender wajib mengemukakan program bengkel dan latihan yang dicadangkan kepada PDRM bersama dengan agendanya sebagai Lampiran B57 untuk penilaian PDRM.			
5.6 Security Posture Assessment	Activity unit	1		1
	5.6.1 Petender wajib melantik syarikat pihak ketiga yang berkemahiran dalam pelaksanaan perkhidmatan penilaian postur keselamatan (Security Posture Assessment) untuk melaksanakan aktiviti penilaian postur keselamatan sistem yang merangkumi sekurang-kurangnya: i.Ujian Kerentanan Rangkaian (Network Vulnerability Test). ii.Ujian Kerentanan Sistem Pengoperasian Pelayan (Server Operating System Vulnerability Test). iii.Ujian Kerentanan Pangkalan Data (Database Vulnerability Test). iv.Ujian Kerentanan Aplikasi (Pematuhan OWASP) (Application Vulnerability Test) (OWASP Complianc).			
	Petender wajib melaksanakan pengujian dan penilaian semula untuk memastikan penyelesaian atas kelemahan yang dikenalpasti bagi setiap aktiviti yang dilaksanakan. Peten der wajib mengemukakan cadangan pendekatan dan skop kerja penilaian postur keselamatan sistem yang akan dilaksanakan sebagai Lampiran B58 untuk penilaian PDRM. Petender wajib membentangkan dan membekalkan dokumen perlaksanaan SPA kepada pengguna akhir.			
	6. KEPERLUAN STANDARD KONTRAK JAMINAN DAN KHIDMAT SOKONGAN Semua peralatan termasuk aksesori hendaklah diberi tempoh jaminan selama 1 tahun dengan perkhidmatan on-site bagi kerosakan atau kecacatan yang berpunca dari proses pembuatan. Tempoh jaminan sistem wajib bermula daripada Tarikh Penerimaan Akhir (Final Acceptance Date).			
	Petender dikehendaki memulakan jaminan perkakasa dan perisian selepas memperolehi Penerimaan Pengujian Akhir (Final Acceptance Test) daripada PDRM dan wajib menjalankan kerja-kerja jaminan, khidmat sokongan dan meja bantuan serta khidmat penyelenggaraan sistem secara di tapak dan komprehensif sehingga tarikh tamat kontrak. Petender wajib menjalankan aktiviti penyelenggaraan pencegahan berkala bagi semua peralatan, perisian, rangkaian dan aplikasi sekurang-kurangnya 2 kali setahun. Petender juga perlu memastikan tempoh tindakan awal tidak melebihi 2 jam dari masa kerosakan dilaporkan dan tempoh baik pulih adalah tidak melebihi 12 jam dari masa kerosakan dilaporkan. Petender wajib merancang program penyelenggaraan kepada PDRM secara terperinci dan melampirkannya sebagai Lampiran B59 untuk penilaian PDRM.			
	TEMPOH PELAKSANAAN PROJEK Petender wajib melaksanakan semua skop kerja projek dan melaksanakan sistem yang menyeluruh kepada PDRM dalam tempoh enam (6) bulan bahawa PDRM berhak			

meminta perubahan jadual pelaksanaan yang dicadangkan mengikut persetujuan kedua-dua pihak. Petender dikehendaki menerangkan dengan terperinci cadangan jadual pelaksanaan dan Carta Gantt projek ini termasuk penghantaran dan pemasangan perkakasan dan perisian, pembangunan dan pengujian aplikasi, latihan dan pelaksanaan sistem dan lain-lain sebagai Lampiran B60 untuk penilaian PDRM.

KAKITANGAN PROJEK Petender wajib mempunyai kakitangan yang berkebolehan dan berpengalaman dalam pembangunan dan pengendalian sistem pengurusan rekod yang berskala besar. PDRM tidak akan mengambil sebarang risiko yang boleh mengganggu pelaksanaan projek.

Oleh demikian, PDRM tidak akan mempertimbangkan kertas cadangan yang tidak mempunyai kemahiran dan pengalaman yang diperlukan. Petender juga perlu memastikan semua kakitangan projek yang dilantik (termasuk rakan teknologi) memenuhi keperluan tapisan keselamatan PDRM sebelum membenarkannya melakukan segala aktiviti projek. PDRM berhak menolak ahli pasukan projek yang gagal dalam tapisan keselamatan negara. Petender wajib mengemukakan carta organisasi dan kurikulum vitae ahli-ahli pasukan sebagai Lampiran B61 untuk penilaian PDRM. Petender perlu mengemukakan sijil kelayakan bagi pelaksanaan teknologi yang dicadangkan dalam kurikulum vitae yang berkaitan. Petender tidak dibenarkan menukar ahli-ahli pasukan projek tanpa kelulusan jawatan kuasa pengurusan projek PDRM dan ahli yang berkenaan.

DOKUMENTASI PROJEK Petender adalah dikehendaki untuk menyediakan dokumen yang lengkap kepada PDRM berkenaan pelaksanaan, sokongan, pengurusan perubahan dan lain-lain dokumen berkaitan. PDRM berhak untuk meminda keperluan dokumen sekiranya diperlukan. Petender wajib melampirkan contoh format dokumen projek sebagai Lampiran B62 untuk penilaian PDRM.

Letter of Authorization (LOA) Petender wajib menerangkan maklumat produk seperti jenama, model, versi, negara asal dan kuantiti yang dicadangkan sebagai Lampiran B63 untuk penilaian PDRM. Petender wajib menyertakan Letter of Authorization (LOA) daripada pihak prinsipal bagi setiap pembekalan perisian yang ditawarkan. Kegagalan mengemukakan LOA boleh menyebabkan tawaran petender ditolak.

Petender dikehendaki membuat kajian dan mencadangkan reka bentuk arkitektur fizikal sistem NSRC dan kemudahan platform yang dikongfigurasikan bagi tujuan penilaian.

SYARAT-SYARAT PEMBEKALAN PERKHIDMATAN Risiko Projek dan Tanggungjawab Petender dikehendaki bertanggungjawab sepenuhnya terhadap projek dari aspek pelaksanaan ke setiap lokasi, rangkaian, peralatan, perisian, aplikasi dan pengurusan projek serta kos-kos yang

terlibat di dalam pelaksanaan projek ini. Petender juga dikehendaki untuk menanggung kesemua risiko kewangan dan teknikal untuk pembangunan dan pelaksanaan projek. Ia adalah tanggungjawab petender bagi memastikan sistem NSRC berfungsi dengan baik tanpa sebarang gangguan sama ada semasa aplikasi beroperasi atau selepas pelaksanaan kerja-kerja menaiktaraf dengan khidmat jaminan dan sokongan 24x7. Selain itu, petender dikehendaki menanggung sumber dan kos sendiri bagi apa-apa kelengkapan dan peralatan yang digunakan untuk reka bentuk serta pembangunan sistem. PDRM tidak akan menanggung apa-apa kos tambahan untuk menyediakan peralatan tersebut.

Kualiti Kerja Bekalan dan Pembatalan Pesanan Petender wajib mematuhi syarat-syarat kualiti kerja berkalen dan pesanan seperti berikut: i. Setiap penghantaran pesanan diwajibkan melalui Pre-Delivery Inspection (PDI) / Task force oleh Jawatankuasa Pra-Pengesahan Penerimaan Pesanan PDRM di lokasi penerimaan. ii. Memberikan notis tarikh pemeriksaan sekurang-kurangnya 14 hari sebelum penghantaran kepada Bahagian Pentadbiran / Naziran Jabatan Logistik Bukit Aman / SMS / Depoh Simpanan atau mana-mana lokasi yang ditetapkan. iii. Petender hendaklah memastikan tarikh invois penghantaran pesanan adalah bermula dari tarikh selesainya kerja-kerja PDI / Task Force.

iv. Petender hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut semasa menyerahkan produk kepada Task Force PDRM: a) Pesanan Kerajaan. b) Kontrak / LOA / spesifikasi / katalog / contoh bermetri. c) Certificate of Origin bagi barangan import. d) Packing List. e) Forwarder Certificate Receipt (FCR). f) Perakuan Mutu dari kilang / OEM / SIRIM / STRIDE / Jabatan Kimia atau mana-mana badan yang bertauliah. v. Pihak PDRM berkuasa membatalkan Pesanan Kerajaan sekiranya terdapat mana-mana pesanan / bekalan yang tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan.

Tuntutan Petender hendaklah mematuhi arahan kementerian kewangan, arahan perbendaharaan dan lain-lain arahan yang berkaitan. Petender yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekalkan mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694). (S/K.KEW / PK / PP / 1100 / 000000 / 10 / 31 Jld. 26 S.K 7(3)).

Terma Dan Syarat Wajib Dipatuhi Dalam Spesifikasi Petender mesti menjawab semua spesifikasi dan sekiranya gagal akan menyebabkan kehilangan kelayakan dalam penilaian selanjutnya. Petender dikehendaki mengemukakan tawaran mengikut format dokumen spesifikasi teknikal ini. Kegagalan mengikut format yang diberikan akan

	menghasilkan kehilangan kelayakan dalam penilaian tender seterusnya. Apa-apa juga kenyataan hendaklah disokong dengan bukti dokumen.
	Taklimat Tender dan Lawatan Tapak Semua petender diwajibkan untuk menghadiri taklimat tender dan lawatan tapak yang akan diadakan di lokasi, tempat dan masa yang akan ditetapkan oleh PDRM. Kegagalan petender menghadiri taklimat akan menyebabkan tidak layak dipertimbangkan.
	Syarat-syarat Pembekalan Produk Petender wajib membekal, memasang, mengkonfigurasi dan mentauliahkan perisian Kecerdasan Buatan (AI) yang diperlukan untuk sistem NSRC. Petender juga perlu mencadangkan perisian tambahan (jika ada) dan kuantiti lesen yang mencukupi mengikut penyelesaian yang dicadangkan untuk pelaksanaan satu sistem NSRC yang menyeluruh (turnkey). Perisian yang dicadangkan mesti mematuhi terma perlesenan perisian dan ianya perlu dibekalkan untuk semua platform sistem NSRC. Apa-apa jenama produk, model atau istilah teknikal proprietari di dalam dokumen ini adalah tidak disengajakan. Petender mesti mengambil semua risiko dan menjalankan skop kerja yang diperlukan untuk memastikan semua perisian yang dicadangkan bersesuaian dalam persekitaran istem yang dikehendaki.
	Semua perisian yang dicadangkan mesti dapat berintegrasi dengan aplikasi NSRC yang diperlukan. Ia mesti disediakan dengan Application Programming Interface (API) atau Software Development Kit (SDK) di mana PDRM berhak menggunakannya dalam pembangunan aplikasi pada masa hadapan. API atau SDK tersebut mesti menyokong perisian alat pengaturcaraan yang dicadangkan.
	Petender perlu menyediakan dan mengambil kira kos perisian tambahan dianggap wajib untuk melaksanakan satu sistem yang lengkap mengikut cadangan penyelesaian petender. PDRM tidak akan menanggung sebarang kos untuk pembekalan produk tambahan yang berkaitan untuk kelengkapan sistem.
	Petender perlu memastikan semua perisian yang dicadangkan mesti dibekal dengan kuantiti lesen pengguna tidak terhad (unlimited user license) kecuali kuantiti lesen yang dinyatakan. Semua perisian yang dicadangkan mesti dibekalkan dengan panduan pengguna dan media pemasangan perisian (installer media) yang lengkap.
	Petender perlu memastikan semua perisian yang dicadangkan tidak boleh mempunyai had masa (time bomb), had saiz data (data volume) atau bilangan transaksi yang boleh menghentikan sistem daripada operasi.
	Petender perlu memastikan semua perisian yang dicadangkan tidak boleh terikat kepada perkakasan pelayan atau alamat protocol Internet

	(IP address) yang tertentu. PDRM berhak untuk mengubah lokasi perisian kepada perkakasan pelayan lain atau tapak pada bila-bila masa.
	Petender perlu membuat hantaran pemasangan dan penyerahan barang/ peralatan/ perisian di dalam premis milik PDRM di lokasi yang akan ditetapkan oleh PDRM.
	Dokumentasi Produk Petender dikehendaki mengemukakan dokumen seperti risalah, whitepaper, atau laporan data teknikal yang berkaitan untuk menyokong spesifikasi teknikal yang diperlukan bagi produk-produk yang ditawarkan.
	Petender adalah dikehendaki untuk menyediakan dokumen yang lengkap kepada PDRM yang berkaitan dengan pemasangan dan konfigurasi sistem berkaitan. PDRM berhak untuk meminda dokumen tambahan sekiranya diperlukan.
	Insuran Kos Penyimpanan Petender perlu menanggung kos penyimpanan gudang dan menginsuranskan semua barangan dihantar kepada PDRM sepanjang tempoh projek. Petender wajib bertanggungjawab bagi semua barangan sehingga serahan rasmi seluruh projek kepada PDRM selepas memperolehi persetujuan penerimaan akhir. Selain itu, petender perlu mematuhi arahan Kementerian Kewangan, Arahan Perbendaharaan dan lain-lain arahan yang berkaitan.